

22 AUG 2000

Mahathir-MB/I

DR MAHATHIR BERKATA PELANTIKAN MB MUDA SELANGOR SATU PROSES PEMBAHARUAN

Oleh: Mohd Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pelantikan orang muda sebagai Menteri Besar Selangor yang baru boleh dianggap sebagai satu proses pembaharuan kepada Umno.

"Ini satu bentuk pembaharuan. Kita tak boleh hendak selalu sangat bagi kepada golongan tua sahaja," katanya pada sidang media bersama para wartawan Malaysia yang membuat liputan SAID 2000 (Dialog Antarabangsa Selatan Afrika) di sini.

Beliau sebelum itu menyampaikan ucapan pada jamuan malam, pada Isnin, sempena dialog berkenaan.

Dr Mahathir berkata generasi muda perlu diberi peluang, jika tidak mereka akan berasa kecewa.

"Kita perlu membawa masuk muka baru, pemikiran baru," katanya semasa ditanya mengenai pemilihan yang mengejutkan ramai, Dr Mohamad Khir Toyo berusia 35 tahun, sebagai Menteri Besar Selangor.

Dr Mohamad Khir, seorang doktor gigi dan anggota Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang, dilantik Menteri Besar Selangor Jumaat lepas menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar, 60, yang meletak jawatan atas sebab kesihatan dan peribadi.

Pelantikan itu menjadikan Dr Mohamad Khir, Menteri Besar Selangor paling muda dan anggota exco Pergerakan Pemuda Umno yang pertama dilantik menjadi ketua eksekutif sebuah negeri.

Sebelum ini Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang dilantik menteri besar Selangor pada usia 44 tahun, adalah tokoh paling muda menjadi menteri besar Selangor ketika itu.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa Dr Mohamad Khir bukanlah orang pertama yang dilantik memimpin kerajaan negeri pada usia yang muda.

"Tiada siapa yang berkata perkara yang sama semasa saya melantik (Tan Sri Abdul) Rahim (Thamby Chik), (Tan Sri) Ramli (Ngah Talib) dan (Tan Sri Mohamed) Isa (Abu Samad).

"Mereka semuanya muda semasa menjadi ketua menteri atau MB. Saya tidak tahu kenapa orang melihat ini sebagai sesuatu yang pelik," katanya.

Abdul Rahim adalah bekas ketua menteri Melaka, Ramli merupakan bekas menteri besar Perak dan kini Timbalan Menteri Pengangkutan dan Mohamed Isa adalah Menteri Besar Negeri Sembilan.

Dr Mohamad Khir tidak termasuk dalam senarai 11 nama yang dikemukakan Umno Selangor kepada Perdana Menteri untuk ditimbang sebagai Menteri Besar.

Ditanya sama ada pelantikan Dr Mohamad Khir akan mengukuhkan Umno bagi pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata: "kami berharap begitulah."

Beliau berkata jawatan itu bukanlah satu imbuhan bagi orang tertentu yang telah bekerja bertungkus lumus dengan harapan untuk dilantik bagi jawatan itu.

Mengenai sama pelantikan itu telah mengecewakan generasi tua dalam Umno, Dr Mahathir berkata: "Saya berpendapat mereka harus menerimanya kerana mereka telah menyatakan yang mereka akan menerima sebarang keputusan yang saya buat."

Ditanya sama ada generasi tua itu ada membuat bantahan mengenai pelantikan berkenaan, Perdana Menteri mengulangi bahawa mereka telah menyatakan akan menerima dan memberi sokongan penuh terhadap sesiapa saja yang beliau pilih.

Mengenai sebab-sebab lain pemilihan Dr Mohamad Khir, Dr Mahathir berkata beliau mempunyai sedikit sebanyak pengalaman dan kelayakan akademik.

"Kita tengok latar belakang dia, tak ada apa-apa pun yang tidak baik," katanya.

Ditanya sama ada Dr Mohamad Khir akan dilantik menganggotai Majlis Tertinggi Umno, Dr Mahathir berkata:"Tidak. Ada terlalu ramai MB tetapi bukan semua yang berada dalam Majlis Tertinggi."

Dr Mahathir yang tiba di sini pada Sabtu untuk menghadiri SAID 2000 selama tiga hari, dijadual berlepas ke London pada Selasa 9 pagi (3 petang waktu Malaysia)

-- BERNAMA

MAD RON